

02 NOVEMBER 2017

Suspek dikesan terbabit kegiatan dadah

KES DATUK SERI PUKUL 3 ANGGOTA RELA

Suspek dikesan terbabit kegiatan dadah

Kuala Lumpur: Seorang lelaki bergelar 'Datuk Seri' yang ditanam untuk siasatan kerana memukul tiga anggota RELA hingga cedera, dikesan turut terbabit dengan dadah dengan saringan air kencing yang diajukan terhadapnya.

Timbalan Ketua Polis Negara, Tan Sri Noor Rashid Ibrahim, berkata selain pembabitan dengan dadah, polis kini turut meneliti latar belakang dan semua kegiatan lelaki berusia 29 tahun itu, sama ada mempunyai kaitan dengan sebarang jenayah.

Katanya, polis juga meny-

asat dakwaan lelaki terbabit mempunyai senjata api.

"Kita akan melihat pelbagai aspek lain, sama ada suspek ini terbabit dalam sebarang kegiatan yang melanggar undang-undang termasuk dakwaan memiliki senjata api.

"Pengeluaran lesen penggunaan senjata api tertakluk kebenaran Ketua Polis Negara, demi keselamatan individu tertentu. Sekiranya dia memilikinya untuk membahayakan nyawa dan keselamatan orang lain, lesen itu boleh ditarik balik," katanya di Ibu Pejabat Polis Kontingen Kuala Lumpur, semalam.

Abdul Rashid berkata, ketika ini suspek disiasat mengikut Seksyen 186?Kanun Keseksaan kerana menghalang tugas penjawat awam dan Seksyen 353 kanun sama kerana menggunakan kekerasan jenayah bagi menakutkan penjawat awam daripada menjalankan kewajipannya.

Ditendang suspek

Dalam kejadian jam 6.30 pagi Jumaat lalu, tiga anggota RELA, iaitu Melvin Cheong Mun Khai, 19; Leong Jiun Jie, 21, dan Lee Weng Poh 27, masing-masing bengkak mata kiri, selain sakit

beberapa bahagian badan selepas dipukul dan ditendang suspek.

Kejadian berpunca daripada tindakan mangsa meminta kenderaan Toyota Vellfire milik suspek yang diletakkan di tepi jalan besar berhampiran sebuah tokong di Kampung Baru, Ampang, dialihkan kerana menghalang lalu lintas.

Lelaki itu ditahan pada jam 4 petang kelmarin, selepas menyerah diri di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Ampang Jaya, sebelum direman selama empat hari sehingga 3 November ini.